

20/05/1999

PM adakan pertemuan dengan Habibie hari ini

KUALA LUMPUR, Rabu - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Indonesia, B J Habibie, akan mengadakan perbincangan membabitkan hubungan dua hala kedua-dua negara dalam pertemuan di Pulau Batam, Indonesia, esok.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata selain soal kerjasama kedua-dua negara, kedua-dua pemimpin itu juga akan bertukar pengalaman dalam menangani krisis ekonomi di negara masing-masing.

Beliau berkata demikian selepas mesyuarat mingguan Kabinet di sini, hari ini.

Mengulas lawatan beliau ke Brunei baru-baru ini, Syed Hamid berkata, beliau mengunjungi rakan sejawatnya, di samping bertukar pendapat dan pandangan dalam soal perhubungan dua hala kedua-dua negara.

"Lawatan itu juga adalah sebagai usaha melaksanakan hubungan dua hala kedua-dua negara bagi membincangkan serta menyelesaikan perkara berbangkit yang timbul dari semasa ke semasa.

"Antara perkara yang dibincangkan ialah soal perjalanan rakyat kedua-dua negara, sama ada dari Sarawak dan Sabah ke Brunei atau sebaliknya. Perjalanan seumpamanya kini membabitkan banyak cop dan karenah birokrasi yang mengambil masa," katanya.

Selain itu, menurutnya, mesyuarat Suruhanjaya Bersama Brunei-Malaysia tahun ini akan diadakan di sini setelah tertangguh tahun lalu berikutan beberapa masalah yang tidak dapat dielakkan.

Katanya, lawatannya juga menyentuh usaha untuk mengukuhkan kedudukan Asean yang kini dianggotai 10 negara, yang mungkin mempunyai pandangan berbeza berkenaan sesuatu isu.

(END)